

19/05/1999

Projek GOE mungkin diperluas ke seluruh negara

Hizral Tazzif Hisham

PROJEK perintis Persekitaran Pejabat Am-Pejabat Perdana Menteri (GOE) di Putrajaya, di bawah aplikasi perdana kerajaan elektronik (e-kerajaan) akan diperluaskan ke seluruh negara jika ia terbukti berkesan meningkatkan kecekapan kakitangan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada orang ramai.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata projek perintis GOE akan menjadi ujian keberkesanan penggunaan teknologi maklumat (IT) dalam pentadbiran kerajaan.

"Jika GOE berjaya maka konsep yang sama akan diperluaskan ke semua agensi kerajaan yang terdapat di seluruh negara bagi membolehkan segala maklumat dan keputusan dapat dibuat dengan tepat dan cepat," katanya kepada pemberita di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani kontrak perjanjian pelaksanaan GOE antara Kerajaan Malaysia dan Konsortium Sapura. Majlis itu disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada majlis itu, Abdul Halim dan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Aziz Ismail mewakili kerajaan manakala konsortium itu diwakili presiden yang juga Ketua Eksekutif Kumpulan Sapura, Datuk Shahril Shamsuddin.

Selain itu, Pengarah Urusan Hewlett-Packard Sales (M) Sdn Bhd (HPSM), Badlisham Ghazali; Pengarah Urusan Microsoft Knowledge Capital Centre Sdn Bhd, Benedict Lee; Naib presiden Kanan EDS MSC Sdn Bhd (EDS), Yang Edward Van Ching turut menandatangani perjanjian dan disaksikan Ketua Pengarah Mampu, Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim.

Projek perintis GOE merangkumi tiga modul utama yang akan dibina dalam fasa ini, iaitu sistem pengurusan maklumat enterpris (EIMS), sistem pengurusan komunikasi enterpris (ECOMS) dan sistem pengurusan kerjasama enterpris (ECOLLMS).

EIMS akan menyediakan alat penyambung bagi pengguna untuk mengurus, mencari, memperolehi semula dan mengubah maklumat yang diperlukan dalam operasi seharian manakala ECOMS dan ECOLLMS bersepadu akan membolehkan pengguna berkomunikasi dan bekerjasama dengan lebih baik bagi memastikan satu aliran kerja yang lebih efektif.

Kedua-duanya juga membabitkan komunikasi dan kerjasama di kalangan kumpulan kerja menerusi sistem permesejan, mesyuarat elektronik, lembaga buletin, pengurusan mesyuarat, mengesan keputusan dan forum perbincangan.

Menurut perjanjian yang ditandatangani antara Konsortium Sapura, ia akan bertanggungjawab menyediakan aplikasi bagi pengurusan sistem maklumat, komunikasi dan sistem pengurusan bersepadu untuk Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya membabitkan 450 kakitangan.

Projek yang bernilai RM35 juta itu akan membabitkan Pejabat Perdana Menteri dan Timbalannya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Kerajaan, bahagian Kabinet, bahagian kewangan dan pentadbiran Jabatan Perdana Menteri dan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) dijangka mengambil masa 11 bulan untuk disiapkan.

Konsortium yang diketuai Sapura itu terdiri daripada Sapura Advanced Systems Sdn Bhd yang bertindak sebagai penyepadu sistem, HPSM membekal perkakasan, Microsoft (perisian) dan EDS. Kesemua pihak yang terbabit dalam konsortium itu akan menyumbangkan sama rata dalam pembangunan arkitektur sistem.

Selain itu, konsortium Sapura akan melaksanakan sistem bersepadu

pengurusan perubahan dan program kejuruteraan semula proses perniagaan memabitkan Accurate Network Systems Integration, Arthur D Little, PNB-IT, Optika Technologies dan Intel Electronics.

Daripada lima aplikasi perdana kerajaan elektronik, tiga sudah dilaksanakan iaitu Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (RM99 juta), Sistem Pemantauan Projek (RM50 juta) dan GOE.

Dua lagi iaitu, pemerolehan elektronik dan perkhidmatan kios untuk membayar bil dan saman sedang di peringkat akhir penilaian CRFP yang dikemukakan. Keputusan mengenai konsortium yang berjaya akan diumumkan dalam masa terdekat.

Halim berkata, pelaksanaan GOE juga akan menyaksikan penubuhan makmal kerajaan elektronik yang akan bertindak sebagai kemudahan umum bagi konsortium itu dan pihak berminat lain termasuk perusahaan kecil dan sederhana (SME), untuk menguji produk baru dan integrasi aplikasi.

Sementara menurut sumber salah satu syarikat dalam konsortium itu berkata, nisbah pegangan syarikat dalam projek itu adalah sama antara keempat syarikat.

"Nilai RM35 juta projek GOE itu akan dibahagi sama rata di antara semua ahli konsortium itu iaitu Sapura, Hewlett-Packard, Microsoft dan EDS.

"Sumbangan dalam pembangunan arkitektur GOE termasuk penulisan dan pembangunannya juga sama di antara Microsoft, Sapura dan HP, katanya lagi.

(END)